

# Pupuk minat pelajar terhadap subjek Sastera

BERITA HARIAN 16/6/2017 p. 21



**Sebahagian pelajar UPM dan SMK Hulu Kelang yang menyertai Program Interaktif Jalinan Masyarakat di sini, baru-baru ini.**

**Hulu Kelang:** Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hulu Kelang buat julung kali menganjurkan Program Interaktif Jalinan Masyarakat bertemakan Hang Tuah Wira Bangsa bertempat di Dewan Budiman sekolah itu, di sini, baru-baru ini.

Program itu membabitkan 52 mahasiswa UPM bersama-sama 110 pelajar Tingkatan Lima dan Empat dengan kerjasama Kelab Bahasa, Seni dan Budaya SMK Hulu Kelang bawah seliaan penasihatnya Puan Noraza Azit @ Aziz.

Penyelaras projek, Dr Salma Jan Noor Muhammad yang juga pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, berkata

objektif program itu adalah untuk menyemai minat pelajar kepada subjek Sastera.

“Sastera bukan sahaja seni bahasa tetapi sastera juga adalah guru yang menjadi petunjuk kepada warisan bangsa kita terutama berkaitan kepahlawanan Hang Tuah.

## **Membina hubungan baik**

“Kisah menarik ini jika diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), pasti dapat membangkitkan semangat pelajar bukan hanya untuk membaca, malahan akan mengenal budaya bangsa sendiri.

“Inilah masanya untuk generasi muda didedahkan dengan kisah sejarah seperti Hang Tuah.

Ini sangat penting bagi mengelakkan hilangnya jati diri sesuatu bangsa,” katanya.

Sementara itu, Pengetua SMK Hulu Kelang, Salmah Wahab ketika berucap merasmikan program itu, berkata sambutan menggalakkan kepada program yang julung kali membabitkan sebuah universiti awam (UA) sepatutnya menjadi wahana untuk membina hubungan baik antara UA dengan sekolah harian biasa lain di seluruh negara.

“Dengan cara ini, dapat memberi motivasi kepada anak-anak meletakkan hala tuju ke universiti selepas tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) nanti,” katanya.